



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA,  
Bahagian Keselamatan Kebakaran  
d/a Tingkat 2, Balai Bomba dan Penyelamat, Cyberjaya,  
Persiaran APEC.  
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

Telefon : 603-83185444  
Facsimile : 603-83195244  
Homepage : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : pro@bomba.gov.my

**'CEPAT DAN MESRA'**

**"SEPERTI SENARAI EDARAN"**

PAM	Action	Ruj. Tuan (Your Ref)	:
PEF	Info	Ruj. Kami (Our Ref)	:
PTP	Tarikh (Date)	13 DEC 2010	: JBPM:BKK/013/2/28 (21)
FB	Copy		: 29 November 2010

Tuan,

**EDARAN ARAHAN KESELAMATAN KEBAKARAN BILANGAN 2 TAHUN  
2010 – KETETAPAN TEKNIKAL BAGI KEPERLUAN UJIAN PINTU  
RINTANGAN API**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama ini disertakan bersama Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 2 Tahun 2010 yang dengan sendirinya menerangkan maksudnya untuk perhatian dan tindakan tuan selanjutnya.
3. Segala kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara tersebut di atas amatlah dihargai.

Sekian, Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"1 Malaysia" Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan.***


Saya yang menurut perintah.

**(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)**  
Penolong Ketua Pengarah,  
Bahagian Keselamatan Kebakaran,  
b.p. Ketua Pengarah,  
Jabatan Bomba dan Penyelamat,  
Malaysia.

- s.k. i. YAS Ketua Pengarah, JBPM  
ii. Fail




CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO : AR 5037



## **SENARAI EDARAN**

1. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
2. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
3. Semua YS Penolong Ketua Pengarah
4. Semua YS Pengarah JBPM Negeri
5. Semua YS Komandan FRAM
6. Penolong-penolong Pengarah Bah. Keselamatan Kebakaran Negeri
7. President, The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch  
(u.p. Engr. Tay Hao Giang) (**Faks:03-91017700**)
8. President, The Institution of Engineers, Malaysia (IEM)  
(u.p. Ir. Thin Shoon Chai) (**Faks:03-79577678**)
9. President, The Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)  
(u.p. Ir. Chen Thiam Leong, Ir. Wong See Fong) (**Faks:03-20953499**)
10. President, Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM)  
(u.p. Ar. Chan Seong Aun) (**Faks:03-26928782**)
11. Pengurus Besar Kanan, Jabatan Perkhidmatan Persijilan dan  
Pemeriksaan, SIRIM QAS International Sdn Bhd.  
(u.p. Tuan Haji Mohd. Nasir Hj. Abdul Wahid) (**Fax:03-55446750**)
11. Pengurus, Jabatan Perkhimatan Pengujian (Testing Services),  
SIRIM QAS International Sdn Bhd.  
(u.p. Puan Rohaya Binti Ibrahim) (**Fax:03-55446454**)
12. Presiden, Malaysia Fire Protection Association (MFPA)  
(u.p. Hermie Tye – Pengerusi Tech. sub-committee Fire doorset)  
**Faks: 03-78044592**
13. Semua Pengeluar Pintu Rintangan Api & Fire Roller Shutter



Ruj. Fail:JBPM:BKK/013/2/28 (21)



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,  
MALAYSIA**

---

**ARAHAN KESELAMATAN KEBAKARAN BILANGAN 2 TAHUN 2010**


---

**KETETAPAN TEKNIKAL BAGI KEPERLUAN UJIAN PINTU RINTANGAN API**

**1. LATAR BELAKANG**

- 1.1. Pelbagai isu berhubung kegagalan Pintu Rintangan Api telah dibangkitkan dalam Majlis Perundingan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM) bersama Badan Profesional yang telah diadakan pada 27 Julai 2010.
- 1.2. Kegagalan pintu rintangan api ini dikenalpasti melalui dua sumber utama:-

[1]




- 1.2.1. Kegagalan "fire resistant test" bagi pintu rintangan api dan open market sampling yang dijalankan oleh pihak SIRIM QAS International.
  - 1.2.2. Kegagalan fungsi dan kerosakan ironmongery hasil penilaian Badan Profesional dan JBPM semasa pelaksanaan pemeriksaan Menghapuskan Bahaya Kebakaran.
- 1.3 JBPM memandang serius berhubung isu-isu ini, kerana pintu rintangan api adalah satu sistem pepasangan keselamatan kebakaran (pasif) yang penting yang perlu berfungsi secara sempurna dan berkesan bagi menjamin keselamatan penghuni bangunan semasa berlakunya kebakaran.

## 2. TUJUAN

Tujuan ketetapan teknikal ini adalah untuk:-

- 2.1. Menyediakan terma rujukan yang dipersetujui pihak berkuasa dan Badan Professional (IFEM, ACEM, IEM, PAM & SIRIM)
- 2.2. Menyediakan ketetapan dan penjelasan lebih berkesan berhubung syarat-syarat kelulusan/perakuan bahan dan sistem perlindungan kebakaran.
- 2.3. Menjelaskan pelaksanaan mana-mana peraturan baru.




### **3. KETETAPAN TEKNIKAL**

Bagi memastikan pintu rintangan api (termasuk fire roller shutter) dapat berfungsi sebagai sistem pepasangan keselamatan kebakaran (pasif) yang berkesan, maka JBPM telah membuat beberapa ketetapan tambahan selain daripada ketetapan yang sedia berkuatkuasa.

Ketetapan tersebut adalah seperti berikut;


3.1. Keperluan kelulusan ujian (fire resistance test) bagi pintu rintangan api dengan 25% 'safety factor' bagi mana-mana ujian dari SIRIM QAS INT. Ketetapan ini adalah merangkumi semua permohonan baru yang diterima bermula pada tarikh seperti di para 4 dalam arahan ini dan JBPM hanya menggunakan laporan ujian SIRIM yang telah mengambil 25% safety factor tersebut. Keperluan tersebut adalah seperti berikut:-

JENIS PINTU	PERAKUAN JBPM (KEHENDAK MINIMA)					
	1 JAM		2 JAM		4 JAM	
	INTEGRITI (minit)	INSULASI (minit)	INTEGRITI (minit)	INSULASI (minit)	INTEGRITI (minit)	INSULASI (minit)
BESI & KACA	75	37	150	75	300	150
KOMPOSIT & KAYU	75	75	150	75	300	150
FIRE ROLLER SHUTTER (UNINSULATED)	75	-	150	-	270	-



3.2. JBPM telah menetapkan bahawa laporan ujian bagi "Ironmongery" yang mematuhi Piawaian di peringkat antarabangsa serta mana-mana piawaian yang setaraf dan diiktiraf oleh JBPM boleh diterima pakai dalam laporan ujian bagi Pintu Rintangan Api dan disahkan oleh pihak SIRIM QAS Int. Berikut adalah senarai piawaian antarabangsa untuk diterima pakai;

<b>SENARAI PIAWAIAN ANTARABANGSA YANG DITERIMA PAKAI</b>	
BS EN 1158:1997	Building hardware – Door coordinator devices – requirements and test methods.
BS EN 12209:2003	Hardware – locks and latches – mechanically operated locks, latches and locking plates – requirements and test methods.
BS EN 1125:1997	Building hardware – Panic exit devices operated by a horizontal bar – Requirements and test methods.
BS EN 179:1998	Building hardware – Emergency exit devices operated by a lever handle or push pad – Requirements and test methods.
BS EN 1154:1997	Building hardware – Controlled door closing devices – Requirements and test methods.
BS EN 1935:2002	Building hardware – Single-axis hinges – Requirements and test methods.
MS 1601:Part 1 – 11: 2009	Specification for fire resistant doorssets.
SS 332:1998	Specification for fire doors
ANSI/BHMA A156	American National Standard for Auxiliary Locks & Associated Products, Bored & Preassembled Locks & Latches, Mortise Locks & Latches
<i>Serta mana-mana piawaian yang setaraf dan diiktiraf oleh JBPM</i>	




#### **4. TARIKH BERKUATKUASA**

- 4.1 Tarikh ketetapan teknikal bagi **Keperluan kelulusan ujian (fire resistance test)** mula dikuatkuatkuasa adalah seperti berikut;
  - 4.1.1. Semua permohonan baru yang diterima oleh JBPM bermula dari **01 Julai 2011** hendaklah menggunakan laporan ujian SIRIM yang telah mengambil kira 25% safety factor tersebut.
  - 4.1.2. Bagi semua permohonan pembaharuan sijil perakuan bahan yang diterima oleh JBPM mulai **01 Julai 2011**, akan dicatatkan pernyataan seperti berikut: "*Sila kemukakan laporan penuh ujian berdasarkan MS 1073: Part 3: 1996 (Including amendment 2003) yang terkini pada pembaharuan akan datang yang mengambil kira safety factor sebanyak 25% melebihi dari keperluan ketahanan api yang dipohon, sijil tidak akan diperbaharui tanpa dokumen tersebut*".
- 4.2 Tarikh ketetapan teknikal bagi "**Ironmengery**" yang mematuhi Piawaian di peringkat antarabangsa serta mana-mana piawaian yang setaraf dan diiktiraf oleh JBPM mula dikuatkuatkuasa adalah bermula dari **01 Julai 2011**.

#### **5. PENUTUP**

- 5.1. Ketua Pengarah berhak untuk meminda ketetapan ini dari masa ke semasa.
- 5.2. Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa dari tarikh arahan ini dikeluarkan, arahan jabatan berkaitan dengan keperluan 'kehendak [5]




minima' bagi sebarang perakuan atau kelulusan pintu rintangan api (integrity & insulasi) melalui surat no. rujukan:JBPM:PPP/005/38/1 (1) bertarikh 05 April 2004 adalah dibatalkan.

- 5.3. Adalah diharapkan dengan adanya ketetapan ini, permasalahan teknikal (semasa) yang wujud dapat diperjelaskan dan menjadi terma rujukan (sekiranya berkaitan).

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"1 Malaysia" Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan.**

Saya yang menurut perintah.



(DATO' WAN MOHD. NOR BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Pengarah,  
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

Tarikh: 22/4/05

Kepada: YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Semua YS Penolong Ketua Pengarah

Semua YS Pengarah JBPM Negeri

Semua YS Komandan FRAM

Semua Penolong Pengarah JBPM Negeri

Semua YS Ketua Balai, BBP

